

Keng Yaik mahu pertahankan jawatan Presiden Gerakan

UM 18 NOV 2001

KUALA LUMPUR 17 Nov. — Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik akan terus mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti itu tahun depan, jika mendapat pencalonan akar umbi dan sokongan sebulat suara dari pada Jawatankuasa Pusat (CC).

Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, beliau juga bersedia mendengar alasan seandainya ada bantahan sungguhpun hanya daripada seorang anggota CC.

“Kalau sokongan tidak sebulat suara, kena bagi tahu saya kenapa? Saya akan mendengar sebabnya,” kata beliau pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan CC parti itu di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting, Naib Presiden, Tan Sri Koh Tsu Koon dan Datuk Dr. S. Vijayarajam serta Setiausaha Agung parti, Chia Kwang Chye.

Mesyuarat pemilihan parti Gerakan akan ber-

langsung diperingkat cawangan pada Mac dan April, bahagian (Mei dan Jun), negeri (Julai dan Ogos) manakala Persidangan Perwakilan Kebangsaan dijangka diadakan pada September tahun depan.

Pada pemilihan kali ini, Lim berkata, semua jawatan terbuka untuk dipertandingkan dan sesiapa sahaja di kalangan ahli layak bertanding asalkan menghantar pencalonan dalam tempoh yang ditetapkan.

“Apa yang penting diberi ingatan ialah semua peringkat mesti mengamalkan dan mengutamakan perpaduan parti,” katanya.

Beliau bangga kerana Gerakan kini berada dalam kedudukan yang kukuh tanpa ada masalah dalaman dan berharap tidak ada sesiapa yang cuba menggugat keutuhan itu.

Mengenai pengumuman Malavsia sebagai negara Islam yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Lim berkata, beliau bersama-sama pe-

mimpin tertinggi parti itu akan menjelajah ke seluruh negara bagi memberi penjelasan kepada ahli dan rakyat bukan Melayu.

“Kita menyokong jaminan Perdana Menteri bahawa tidak ada percubaan untuk meminda Perlembagaan negara atau menukar institusi sedia ada ekoran penguaman itu,” katanya.

Menurut Lim, mesyuarat hari ini juga membincangkan peranan Gerakan sebagai parti komponen BN untuk menguatkan kedudukan kerajaan melalui penjelasan isu-isu politik dan ekonomi yang menjadi cabaran kepada negara.

Antaranya, ujar beliau, mengenai kesan kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) terhadap ekonomi Malaysia.

Pihaknya juga, kata Lim, telah menyediakan jawapan untuk majlis dialog yang akan diadakan lebih kerap di peringkat negeri bagi menjawab pelbagai persoalan yang dikemukakan.